



BEBERAPA anggota bomba dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengalihkan dahan dan pokok yang tumbang menghempap dua buah kereta di persimpangan Jalan Tun Ismail, Kuala Lumpur, malam tadi - UTUSAN/IRWAN MAJID



SEORANG mangsa banjir dan ribut dibawa ke hospital di Ampang, malam tadi.

Beratus-ratus penduduk di Hulu Langat, Ampang terjejas, seorang pelajar maut

Lembah Klang dilanda banjir kilat

Oleh **ROZIANAH RISMAN**
pengarang@utusan.com.my

KUALA LUMPUR 7 Mac - Hujan lebat dan ribut selama lebih tujuh jam di Lembah Klang hari ini menyebabkan beberapa kawasan di ibu negara mengalami banjir kilat, pokok tumbang serta kejadian tanah runtuh kecil.

Beberapa kawasan dilaporkan turut ditenggelami air termasuk 100 buah rumah di Ampang, Selangor.

Dalam satu lagi kejadian, seorang pelajar tingkatan satu maut selepas ditimbus tanah runtuh di belakang rumahnya di kuarters polis di Jalan Belfield berhampiran Kampung Attap, di sini.

Mangsa, Mohd. Irfan Raja Azlan, 13, berada di belakang rumahnya apabila tiba-tiba tebing setinggi lima meter runtuh dan menimbus pelajar itu kira-kira pukul 9.30 malam.

Jurucakap Bomba dan Penyelamat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur berkata, hujan dan ribut yang melanda sejak lewat petang menyebabkan beberapa kawasan dinaiki air antara setengah meter dan semeter, termasuk Kampung Melayu, Subang, Jalan Peel dan Kampung Baru.

"Banjir kilat juga dilaporkan berlaku di kawasan Keramat Luar, Bangsar dan Jalan Syed Putra," katanya.

Jurucakap itu berkata tanah runtuh berskala kecil turut berlaku di kawasan cerun bukit di Apartmen Spring Villa, Ukay Perdana, Ampang dalam kejadian pukul 9 malam.

DI **HULU LANGAT**, kira-kira 150 buah rumah di Batu 14 dan Batu 18 dinaiki air

Mangsa, Mohd. Irfan Raja Azlan, 13, berada di belakang rumahnya apabila tiba-tiba tebing setinggi lima meter runtuh dan menimbus pelajar itu kira-kira pukul 9.30 malam.

setinggi hampir dua meter.

Di Batu 14, kampung terlibat iaitu Kampung Rantau Panjang, Sungai Semunggis dan Dusun Tua serta Pekan Batu 14 manakala di Batu 18, Kampung Jawa, Tanjung dan Taman Damai.

Hujan bermula pukul 5 petang itu menyebabkan air Sungai Langat berdekatan kampung-kampung berkenaan melimpah.

Kesemua mangsa kini ditempatkan di balai raya dan masjid-masjid.

Ketua Polis Daerah Kajang, Asisten Komisioner Ab. Rashid Ab. Wahab berkata, tiga warga emas yang terperangkap di dalam rumah serta 15 murid di dalam bas ketika pulang sekolah di Batu 18 telah diselamatkan.

"Seramai 50 anggota Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM), polis dan Ikatan Relawan Rakyat (Rela) terlibat dalam operasi menyelamat," katanya ketika ditemui.



TEMBOK pagar sebuah rumah di Ampang, tumbang dalam kejadian banjir kilat dan ribut malam tadi.



KEADAAN banjir di Kampung Dusun Tua, Batu 16, Hulu Langat, Selangor, malam tadi. - UTUSAN/MOHD. NAIM AZIZ



DUA warga emas diselamatkan selepas terperangkap dalam kejadian banjir di Kampung Dusun Tua, Batu 16, Hulu Langat, malam tadi.



PENDUDUK membersihkan lumpur setelah banjir kilat melanda beberapa kawasan di Ampang, Selangor, malam tadi.